

BANGI 21 Sept. - Malaysia mengatasi negara-negara lain termasuk United Kingdom (UK) dalam menawarkan peluang kepada penduduknya menaikkan taraf diri daripada sederhana ke tahap berjaya dengan mudah.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, peluang itu yang dinamakan 'mobiliti sosial' tidak mudah berlaku di kebanyakan negara yang mana generasi demi generasinya berada di tampuk ekonomi sama.

"Saya pernah tinggal di UK selama lapan tahun semasa menuntut dan melihat peluang golongan miskin menjadi doktor dan peguam ada tetapi amat tipis kerana kebanyakan akan kekal sebagaimana latar belakang bapanya iaitu jika bapa mereka bekerja sebagai buruh, mereka akan menjadi buruh juga. Ini satu hakikat.

"Tetapi kita di Malaysia, dalam aspek mobiliti sosial telah menjangkau keupayaan lebih besar daripada negara yang menjajah kita.

"Melalui penguasaan ilmu dan kemahiran, kita boleh mengubah nasib daripada golongan serba sederhana atau miskin menjadi orang yang berjaya dalam pelbagai lapangan dalam satu generasi sahaja, satu pencapaian luar biasa dan hebat," katanya semasa berucap pada Majlis Pelancaran dan Penyampaian Bantuan Amanah Saham Bumiputera (ASB) Sejahtera di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Aziz Shamsuddin.

Pada majlis itu, Najib turut menyampaikan buku pelaburan ASB dengan perolehan saham sebanyak RM5,000 setiap seorang kepada 245 golongan miskin tegar dari seluruh negara.

Kerajaan, katanya, memperuntukkan RM45 juta dalam program itu bagi memanfaatkan 9,000 orang berupa golongan termiskin produktif, golongan ibu tunggal

# Mobiliti sosial Malaysia atasi UK

UM-22/9/2006

miskin tegar dengan tanggungan ramai dan golongan yang belum menerima bantuan program ASB, Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) atau menerima bantuan sara hidup pekebun kecil.

Program ASB Sejahtera merupakan salah satu program pembangunan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Program itu, kata beliau, adalah bagi memberi pendapatan tambahan kepada penerima dan merangkumi usaha kerajaan memerangi kemiskinan tegar yang turut termaktub dalam sasaran utama Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Dalam hal ini, Najib menasihatkan para penerima menggunakan dividen diterima dengan sebaiknya dan bagi kesejahteraan keluarga masing-masing.

Beliau turut menasihatkan mereka agar tidak terpedaya dengan skim cepat kaya yang mungkin menyebabkan mereka hilang segala simpanan.

"Tidak ada jalan pintas untuk berjaya, kita mesti berusaha kalau mahu memerangi kemiskinan dan mengubah nasib.

"Kita perlu ingat pada asasnya iaitu perubahan perlu berlaku pada diri sendiri," katanya.

NA  
SHIP  
TION  
AN  
HAN  
NA